



LAWATAN KERJA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PEKAN NANAS, NEGERI JOHOR



Pada 13 Oktober 2019, YB Hajah Zuraida Kamaruddin telah meluangkan masa melawat Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas, Negeri Johor. Turut bersama-sama YB Menteri adalah Dato' Haji Yahaya Madis yang merupakan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor.

Menurut YB Zuraida, ini adalah kunjungan pertama ke Balai Bomba selepas Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Lim Guan Eng dan anggota Bomba adalah penerima manfaat tersebut. Kesemua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) seramai 14,400 anggota akan menerima Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM 200.00 sebulan.



Seterusnya, ketika sidang media berlangsung, YB Hajah Zuraida Kamaruddin menerangkan beberapa perkara iaitu tentang penurunan had harga kondominium dan pangsapuri di bandar. Beliau turut menegaskan bahawa KPKT akan mengadakan perbincangan

bersama-sama Kementerian Kewangan tentang perihal tersebut oleh kerana terdapat suara rakyat yang tidak bersetuju dengan had penurunan berkenaan. Rentetan itu, ramai yang tidak jelas mengenai cadangan berkenaan dengan beranggapan ia dikeluarkan KPKT sedangkan cadangan ini adalah di bawah seliaan Kementerian Kewangan.

Tambahan pula, KPKT kini sedang menumpukan usaha mempromosikan *Malaysia My Second Home* dengan menyediakan pakej menarik bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan.

